



# Menyemai budaya berilmu, berbakti

Oktober dan November menyaksikan kebanyakan Universiti Awam (UA) di negara kita mengadakan majlis konvokesyen yang menjadi tradisi untuk menganugerahkan ijazah serta meraikan pencapaian graduan masing-masing.

Majlis simbolik dan penuh bersejarah itu dilihat sebagai detik penting dan indah dalam kehidupan setiap mahasiswa yang mendapat peluang melanjutkan pengajian ke menara gading. Malah, kemuncak kepada segala pengorbanan dan cabaran yang diharungi sepanjang pengajian ialah kejayaan menggenggam segulung ijazah pada majlis konvokesyen.

Saban tahun bilangan graduan yang dihasilkan universiti di negara kita semakin meningkat. Persoalan yang sering menjadi perhatian sejauh mana graduan itu menunaikan tanggungjawab mereka dengan kembali berbakti kepada universiti dan juga masyarakat.

Hubungan dengan universiti atau alma mater mereka, misalnya boleh dikatakan majoriti graduan didapati tidak lagi berhubungan dengan universiti selepas tamat pengajian. Ia boleh dibuktikan melalui rekod penyertaan mahupun sumbangan alumni kepada program mahupun aktiviti yang dianjurkan *alma mater* mereka melalui pejabat perhubungan alumni universiti masing-masing.

Jumlah graduan yang terus berhubung dan datang kembali ke universiti untuk menyalurkan pelbagai sumbangan secara relatifnya masih terlalu kecil jika dibandingkan dengan sumbangan dan peranan yang dimainkan alumni di universiti luar negara. Hubungan alumni dan *alma mater* mereka cukup mantap sehingga boleh mengumpul dana yang begitu besar bagi pelbagai tujuan pembangunan dan kebajikan.

Hakikatnya, apa yang perlu ada pada graduan kita ialah budaya menyumbang kembali kepada *alma mater*, malah mereka perlu sedar hubungan universiti dan alumni umpama air yang dicincang tidak akan putus. Universiti sering kali melihat alumni mereka sebagai aset yang sangat berharga dan bernilai. Ini kerana mereka boleh memainkan peranan dan menyalurkan pelbagai bentuk sumbangan demi kemajuan universiti.

Tidak dinafikan, alumni juga perlu sedar pihak universiti tidak hanya mengharapkan bantuan berbentuk kewangan semata-mata. Ini kerana universiti juga sedar dalam keadaan dan persekitaran ekonomi sekarang, peluang pekerjaan agak terhad kepada graduan. Maka tidak rasional universiti meminta ataupun memaksa alumni

menyalurkan sumbangan dalam bentuk kewangan terutama kepada graduan yang baru saja menamatkan pengajian dan memasuki pasaran pekerjaan.

Sebaliknya apa yang universiti harap ialah sumbangan dalam bentuk idea, maklum balas, masa atau tenaga untuk sama-sama membantu memajukan universiti dalam melestarikan tradisi kecemerlangan universiti sebagai menara gading. Alumni juga boleh menjadi mentor kepada bakal graduan supaya dapat memberi tunjuk ajar, berkongsi pengalaman serta membimbing bakal graduan agar dapat berjaya seperti mereka suatu hari kelak.

Sumbangan sebegini jauh lebih bermakna dan penting di samping sumbangan berbentuk kewangan. Ringkasnya bagi yang mampu dan sudah berjaya boleh menyalurkan bantuan dalam bentuk kewangan yang pastinya dapat memberi pelbagai manfaat kepada siswa yang bakal menjadi graduan.

Bagaimanapun, bagi yang baru bergelar graduan dan belum kukuh dari segi kedudukan pekerjaan mahupun kewangan, boleh menyalurkan sumbangan idea dan perkongsian pengalaman.

Setiap universiti menganjurkan pelbagai aktiviti untuk menarik alumni kembali ke kampus. Misalnya, di Universiti Putra Malaysia (UPM), tarikh 21 Mei diiktiraf sebagai Hari Alumni UPM.

Malah, sempena dengan itu pelbagai aktiviti dianjurkan setiap tahun seperti majlis kesyukuran,

forum, majlis makan malam dan juga aktiviti sukan seperti ragbi, golf serta boling bagi meraikan alumni UPM.

Namun, jumlah alumni yang menyertai program sebegini masih terlalu kecil dan belum boleh dibanggakan jika dibandingkan dengan jumlah graduan yang dihasilkan sekian lama. Malah, saban tahun boleh dikatakan hanya orang sama saja menyertai program seperti ini.

Program lain yang dianjurkan khusus untuk membimbing bakal graduan seperti *The Alumni Mentoring Programme* dan juga Bengkel *Get That Job* yang turut menagih sumbangan serta peranan alumni turut menerima nasib yang hampir sama.

Ini menimbulkan persoalan apakah alumni tidak berminat menyertai program sebegini atau sudah tidak mepedulikan lagi *alma mater* mereka selepas tamat pengajian? Hanya alumni yang bisa memberikan jawapannya. Apapun universiti tidak pernah jemu mahupun berhenti untuk menghubungi alumni mereka. Pelbagai platform terus diwujudkan agar alumni dapat kembali ke kampus dan menyalurkan bantuan yang mereka mampu.

Bukan itu, saja di samping berbakti kepada universiti, graduan juga perlu sedar tanggungjawab dan bakti mereka terhadap keluarga dan masyarakat. Sudah tibanya masanya untuk graduan

membalas segala pengorbanan dan jasa ibu bapa dan keluarga.

Bagi anak sulung mungkin sudah boleh memikirkan langkah untuk mengambil alih tugas sebagai ketua keluarga. Gunakan peluang ini untuk meringankan beban mereka. Segeralah mencari kerja yang bersesuaian supaya dapat membantu keluarga. Jangan terlalu memilih kerja dan buanglah jauh-jauh sikap serta mentaliti mesti kerja kerajaan atau makan gaji.

Terimalah hakikat bahawa peluang pekerjaan sangat terhad terutama dalam bidang tertentu kerana kerajaan menyediakan pelbagai peluang untuk graduan menceburi bidang keusahawanan dan sewajarnya tidak ada alasan lagi untuk kita majukan diri serta keluarga dengan menceburi bidang keusahawanan.

Ia sekali gus membolehkan kita

turut menjadi pencipta peluang pekerjaan kepada orang lain dan gunakanlah ilmu dimiliki untuk berbakti kepada anggota masyarakat mengikut kemampuan masing-masing.

Semoga setiap graduan yang bergraduasi ini akan menghayati budaya berilmu berbakti demi kemajuan bersama. Jangan sesekali mensia-siakan apa yang dipelajari dengan membabitkan diri dalam perkara tidak berfaedah, merugi dan menghancurkan masa depan seperti terbabit dengan jenayah, dadah mahupun kumpulan militan. Ingat keluarga, masyarakat dan negara meletakkan harapan yang tinggi terhadap anda.

Penulis Timbalan Pendaftar  
Fakulti Kejuruteraan  
Universiti Putra Malaysia



## Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

